

PENDEKATAN IMAM AL-GHAZALI DALAM PENDIDIKAN

Oleh :

AHMAD A'TOA MOKHTAR

Jabatan Dakwah dan Usuluddin

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ahmadatoa@kuis.edu.my

PENGENALAN

Tokoh Pendidik Sepanjang Zaman

- Imam Al-Ghazali adalah tokoh pemikir Islam kurun ke-6 Hijrah.
- Pengaruh pemikiran al-Ghazali di kalangan bangsa Arab atau bukan Arab
- Hasil karyanya dibaca dan dikaji di Timur dan di Barat sehingga kini.
- Kehebatan al-Ghazali dalam Pendidikan Akhlak – ilmu kejiwaan dan sebagainya.
- Keilmuannya meluas dalam pelbagai bidang ilmu:
 - ❑ Falsafah – Akidah – Fiqh - Ilmu Kalam - Tasawuf – Akhlak – Mantiq – Ulumul Quran - Politik - dan lain-lain.

Manhaj pendidikan

- Kitab Ihya Ulumuddin menjadi asas manhaj pendidikan Al-Ghazali dalam menjelaskan secara terperinci mengenai klasifikasi dan sumber ilmu serta hubungan dengan tuntutan sosial.
- Klasifikasi ilmu membincangkan tentang pembahagian ilmu oleh al-Ghazali iaitu : Pendekatan dalam Pendidikan ilmu berdasarkan kelompok masyarakat, ilmu praktis, sumber ilmu dan fungsi sosial. Bidang tersebut dipecahkan pula kepada tajuk-tajuk yang dibincangkan seperti Muamalah dan Mukasyafah al-Qulub. (Abdul Salam Yussof 2010).

Biodata Imam Al-ghazali

- Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali al-Tusi al-Shafei (Osman 1997).
- Nama asalnya Muhammad sahaja.
- Dikenali sebagai Abu Hamid kerana mempunyai anak lelaki bernama Hamid yang meninggal ketika masih bayi.

“AL-GHAZALI”

- Dikenali sebagai al-Ghazali kerana berasal daripada nama daerah tempat lahir iaitu Gazalah "al-Ghazali (satu ‘z’)".
- Dikenali al-Ghazali juga kerana pekerjaan harian bapanya sebagai seorang pemintal bulu kambing, penenun dan penjual kain tenun. Pekerjaan ini dinamakan **Gazzal** "al-Ghazzali dengan dua ‘z’".
- Sebutan Al-Ghazali dieja dengan satu ‘z’ bersempena nama kampung dia dilahirkan iaitu Gazalah.

- **Dilahirkan di Tus, Parsi.** Pada tahun 450 Hijrah/1058 masehi, tepat tiga ratus tahun sesudah Imam Syafei lahir iaitu pada 150 Hijrah/730 Masehi.
- Ketika beliau masih kecil, sebelum bapanya meninggal diserahkan beliau dan adiknya Ahmad kepada seorang sahabat karib (seorang ahli sufi) menjaga dan **mendidik** mereka dengan memberi sedikit harta untuk perbelanjaan pendidikan mereka.
- Inilah pendidikan awal dari seorang sufi, dengan mempelajari al-Quran, hadis, mendengarkan kisah tentang ahli hikmah, dan menghafal syair-syair.
- Wafat di tempat kelahirannya sendiri pada pagi Isnin 14 Jamadilakhir 505H/19 Disember 1111 Masehi.
- Mempunyai empat orang anak (seorang anak lelaki bernama Hamid meninggal dunia ketika kecil dan tiga orang anak perempuan).

Cinta – Ilmu – Pendidikan

- Cintanya terhadap ilmu pengetahuan – menggembara - berguru dengan para ulama pada zamannya.
- Sewaktu berada di Baghdad dilantik sebagai pendidik iaitu Pensyarah utama Universiti Baghdad.
- Bergelar mahaguru dalam pelbagai bidang ilmu tetapi beliau masih merasakan kekurangan pada ilmu pengetahuan yang dimiliki.
- Lantaran itu, beliau meninggalkan jawatannya dan beralih ke bidang ilmu pendidikan tasawuf.
- Pendidikan ilmu kejiwaan - berguru dengan ahli-ahli sufi yang terkenal.

Pendidikan & Karya

- Antara pendekatan berkesan beliau dalam bidang pendidikan ini ialah penulisan karya yang dianggarkan telah menulis 300 buah buku mencakupi pelbagai bidang ilmu pengetahuan.
- Sebahagian besar hasil tulisannya telah hangus dibakar oleh tentera Moghul yang menyerang kota Baghdad.
- Antara kitab yang musnah termasuk : 40 Jilid Tafsir, *Sirrul Alamain* (Rahsia Dua Dunia), dan *al-Madhnuuna bihi ala Ghairiha* (Ilmu Yang Harus Disembunyikan Dari Orang-orang Yang Bukan Ahlinya).

- Cuma 84 buah buku tulisan beliau sahaja yang berjaya diselamatkan. Antaranya ialah :
- 1. Al Munqiz Min al Dhalal (Penyelamat Kesedaran)
- 2. Tahafut al Falsafah (Penghancuran Falsafah)
- 3. Mizanul Amal (Timbangan Amal)
- 4. Ihya Ulumuddin (Penghidupan Pengetahuan)
- 5. Mahkun Nazar (Mengenai Ilmu Logik)
- 6. Miyarul Ilmu
- 7. Maqsadil Falsafah (Tujuan Falsafah).

Sumbangan Pendidikan

1. Penasihat Agung Perdana Menteri Nizam al-Mulk
2. Pensyarah Kanan di Universiti Nizamiah, Baghdad dan Cawangan Naisabur
3. Pendokong fahaman al-Asya'irah atau dikenali dengan nama mazhab Ahlus Sunnah Wal Jama'ah.
4. Menolak fahaman ahli falsafah yang menuhankan akal yang meresap dalam Ilmu Kalam.
5. Pelopor / Mursyid kepada golongan sufi.
6. Penulis : menghasilkan banyak kitab/karya dalam pelbagai bidang ilmu termasuk dalam bidang falsafah, mantiq, tasawuf, akhlak, kenegaraan dan siasah/politik.

(Fauziah Hj. Muhammad Ramli dan Aminah Idris 2003)

Aliran Pemikiran & Pendidikan

- Pada zaman Abbasiyah, sedikit sebanyak perkembangan Islam diresapi budaya dan pemikiran Parsi, Yunani, Rom, India dan lain-lain.
- Ini kerana berlaku penterjemahan buku-buku asing ke bahasa arab yang menyebabkan pemikiran pada waktu itu bercampur dengan nilai-nilai kemasyarakatan, politik dan ekonomi serta pemikiran lain di kalangan masyarakat Islam.
- Perkembangan ini menjadi salah satu asas kepada lahirnya banyak aliran pemikiran di kalangan masyarakat Islam.
- Semua ini mewujudkan perpecahan dan perseteruan antara satu sama lain. Antara kumpulan tersebut ialah ahli ilmu fiqh, ahli ilmu kalam, penganut Batiniah, ahli falsafah dan ahli tasawuf.

Konsep Pendidikan Al-Ghazali

- Terhadap bidang pengajaran dan pendidikan al-Ghazali telah banyak mencurahkan perhatiannya. Yang mendasari pemikirannya tentang kedua bidang ini ialah analisisnya terhadap manusia.
- Manusia, menurut al-Ghazali dapat memperoleh derajat atau kedudukan yang paling terhormat diantara sekian banyak makhluk dipermukaan bumi dan langit, karena pengajaran dan pendidikan, karena ilmu dan amalnya. (Rusn, Abiding Ibnu. 1998)

Tujuan Pendidikan al-Ghazali

- Jika pendidikan dapat dipandang sebagai aplikasi pemikiran filsafah dan seorang filosof dan seorang bergerak selaras dengan jalan dan dasar pemikirannya.
- Sistem pendidikan al-Ghazali pun sejalan dengan dasar pemikiran filsafahnya yang mengarah kepada tujuan yang jelas.
- Menurut beliau “Pendidikan dalam prosesnya haruslah mengarah kepada pendekatan diri kepada Allah dan kesempurnaan insan, mengarahkan manusia untuk mencapai tujuan hidupnya yaitu bahagia dunia dan akhirat.
- “Hasil dari ilmu sesungguhnya ialah mendekatkan diri kepada Allah, Tuhan semesta alam, dan menghubungkan diri dengan para malaikat yang tinggi dan bergaul dengan alam arwah, itu semua adalah kebesaran, pengaruh, pemerintahan bagi raja-raja dan penghormatan secara naluri.”

Tujuan Pendidikan

a) Tujuan Jangka Panjang

- Pendekatan diri kepada Allah. Pendidikan dalam prosesnya harus mengarahkan manusia menuju pengenalan dan kemudian pendekatan diri kepada Tuhan pencipta alam.
- Manusia dapat mendekatkan diri kepada Allah adalah dengan melaksanakan ibadah wajib dan sunnah. Untuk mendekatkan diri kepada Allah manusia harus senantiasa mengkaji ilmu-ilmu fardhu 'ain.

b) Tujuan Jangka Pendek

- Meraih kepakaran manusia melalui kemampuan manusia sesuai dengan bakat dan kemampuannya. Syarat untuk mencapai tujuan itu, manusia mengembangkan ilmu pengetahuan, baik yang termasuk fardhu 'ain maupun fardhu kifayah.

Sumber Pendidikan

- Kajian terhadap klasifikasi ilmu al-Ghazali didasarkan atas dua sumber utama:
 - 1) The Book of Knowledge (kitab ilmu) dari ihya' ulumuddin
 - 2) Al-Risalah Al-Ladunyah.
- Dua karya yang lain juga digunakan sebagai sumber sokongan, iaitu :
 - 1) The Jewel of The Al-Qur'an (Mutiara Al-Qur'an)
 - 2) Mizan Al-Amal (Timbangan Amal).

Perbezaan Sistem klasifikasi

- a) Pembahagian ilmu-ilmu menjadi bahagian Teori dan praktikal.
- Bahagian Teori menjadikan keadaan-keadaan wujud diketahui sebagaimana adanya, misalnya ilmu falsafah. Bahagian praktis berkenaan dengan tindakan-tindakan manusia, bertujuan mencari aktiviti manusia yang kondusif bagi kesejahteraan manusia dalam kehidupan ini dan kehidupan nanti, misalnya: ilmu keguruan dan tasawuf.
- b) Pembahagian pengetahuan menjadi pengetahuan menjadi pengetahuan yang dihadirkan (Khudhuri) dan pengetahuan yang dicapai (khusshuli). Di antaranya adalah ilmu laduni (pengetahuan dari yang tinggi) dan ilmu al-mukasyafah. Pengetahuan yang dicapai atau pengetahuan perolehan bersifat tak langsung, rasional, logik.
- Pengetahuan yang dihadirkan lebih unggul dari pada pengetahuan yang dicapai kerana terbatasi dari kesalahan dan keraguan. Pengetahuan kategori ini juga memberikan kepastian tertinggi mengenai kebenaran-kebenaran spiritual. Pengetahuan indrawi memang bersifat langsung juga dan serta-merta, tetapi hanya berlaku pada dunia fizik.

c) Pembahagian atas ilmu-ilmu syari'ah dan intelektual ('aqliyah)

- Al-'Ulum al-syari'ah merupakan ilmu-ilmu yang diperolehi dari para nabi dan tidak dapat pada mereka melalui intelek manusia semata.
- Pembahagian pengetahuan konsep para mutakallimin tentang hubungan antara wahyu dan akal.
- Wahyu dan akal dipahami sebagai sumber pengetahuan yang saling eksklusif antara satu sama lain.
- Ilmu naqli dan aqli saling melengkapi.
- Sumber pengetahuan agama syariah iaitu Naqli adalah wahyu, sumber pengetahuan intelektual adalah akal.

- d. Pembahagian ilmu menjadi ilmu-ilmu fadhu 'ain (wajib atas setiap individu) dan fardhu kifayah (wajib atas umat)
- Fardhu 'ain yang wajib dipelajari oleh setiap individu. Ia memberi contoh kelompok ini ialah ilmu agama dan cabang-cabangnya.
- Fardhu kifayah ilmu kifayah ilmu ini tidak diwajibkan kepada setiap muslim, tetapi harus ada diantara orang muslim yang mempelajarinya.
- Diantara ilmu pengetahuan yang tergolong fardhu kifayah ini adalah ilmu kedokteran, ilmu hisab, pertanian, perubatan, dll.

- e) Pembahagian ilmu menjadi ilmu mahmudah (terpuji) dan ilmu madzmumah (tercela)
- Ilmu pengetahuan yang terpuji, baik sedikit mahupun banyak, namun kalau banyak lebih terpuji. Seperti ilmu pengetahuan agama dan ilmu tentang beribadah.
- Ilmu yang tercela, ilmu ini tidak akan ada manfaatnya bagi manusia di dunia mahupun di akhirat, seperti sihir, azimat, nujum, dll.
- Selain itu, ada pula ilmu yang terpuji pada taraf tertentu, yang tidak boleh diperdalam, kerana ilmu ini dapat membawa kepada perpecahan ummat dan meniadakan Tuhan, seperti Falsafah yang tercela.

Klasifikasi Ilmu Ilmu Syariah Dan Intelektual

1) Ilmu Syariah

- a. Ilmu tentang prinsip-prinsip dasar (al-Usul), seperti: ilmu tauhid, ilmu tentang kenabian, ilmu tentang akhirat atau eskatologi, dll.
- b. Ilmu tentang cabang-cabang (furu'), seperti: ilmu tentang kewajiban manusia terhadap Tuhan, ilmu tentang kewajiban manusia kepada masyarakat dan ilmu tentang kewajiban manusia kepada jiwanya sendiri

2) Ilmu Intelektual seperti, matematik, logika fizik dan ilmu alam dll..

Pendekatan Pendidikan Al-ghazali

- Pengaruh pemikiran pendidikan al-Ghazali yang lebih menekankan pada “al-taqarrub ilallah” pendekatan diri kepada Allah SWT.
- Pendekatan pendidikan bersifat multi disiplin ilmu dari berbagai ilmu (intelektual dan spiritual)
- Al-Ghazali lahir sebagai peletak dasar “perkahwinan” multi aspek disiplin ilmu seperti kalam, tasawuf, falsafah dan fiqh.
- Kehidupannya sebelumnya melalui krisis intelektual dan spiritual. Akan tetapi dalam perjalanan berikutnya, beliau menjejak langkah pengajaran sufistik yang menekankan aspek akhlakul karimah.

Metode pendidikan

1) Metode khusus pendidikan agama

- Metode pendidikan agama menurut al-Ghazali, dengan teknik hafalan dan pemahaman, kemudian dilanjutkan dengan keyakinan dan pembenaran, setelah itu menguatkan dalil-dalil dan keterangan yang menunjang penguatan akidah.

2) Metode khusus pendidikan akhlak

- Pendidikan mesti mengarah kepada pembentukan akhlak yang mulia. Tentang metode praktis dan metode khusus membentuk akhlak mulia.. “untuk mengadakan perubahan akhlak tercela adalah dengan menyuruh untuk mengadakan perbuatan yang sebaliknya”.

Adab Pendidik Terhadap Yang Dididik

- Adab Guru kepada Murid
 - 1) Belas kasih kepada murid dan memperlakukannya sebagai anak seperti orang tua menyayangi anaknya sendiri.
 - 2) Mengikuti teladan Rasulullah SAW, yaitu tidak meminta upah.
 - 3) Tidak meninggalkan nasihat, seperti melarang anak didiknya melonpat pada sesuatu ilmu baru sebelum menguasai ilmu yang sebelumnya dengan jelas.
 - 4) Menasihati murid dan mencegahnya dari akhlak tercela, tidak secara terang-terangan menyindir.
 - 5) Hendaknya guru tidak fanatik terhadap bidang ilmu yang diajar sahaja dan menghina bidang ilmu yang lain.
 - 6) Hendaknya pendidik memperhatikan perkembangan berfikir murid agar dapat menyampaikan ilmu sesuai dengan kemampuan fikirannya.
 - 7) Hendaknya pendidik mengamalkan ilmunya dan tidak sebaliknya, di mana perbuatannya bertentangan dengan ilmu yang diajarkan kepada murid.

Adab Yang Dididik Terhadap Pendidik

- 1) Murid harus memuliakan pendidik dan bersikap rendah hati atau tidak takabur.
- 2) Murid harus saling menyayangi dan menolong serta berkasih sayang sesamanya.
- 3) Murid harus menjauhi diri dari mempelajari berbagai mazhab yang dapat menimbulkan kekacauan dalam pikiran.
- 4) Murid harus mempelajari tidak hanya satu jenis ilmu yang bermanfaat, melainkan ia harus mempelajari berbagai ilmu lainnya dan berupaya sungguh-sungguh mempelajarinya sehingga tujuan dari setiap ilmu tersebut tercapai.
- 5) Mendahulukan kesucian jiwa dari pada keburukan akhlak.
- 6) Murid harus Uzlah yaitu menjauhi kampung halamannya sehingga hatinya hanya terikat pada ilmu.
- 7) Tidak bersikap sombong terhadap ilmu dan menjauhi tindakannya yang tidak terpuji kepada guru, bahkan ia harus menyerahkan segala urusannya kepadanya.
- 8) Mencurahkan perhatian pada ilmu yang terpenting, yaitu ilmu akhirat.

Prinsip Pendekatan Pendidikan

- Pendekatan pendidikan melalui ilmu logik dalam membahaskan tentang ketuhanan, walaupun al-Ghazali mengakui ilmu logik, tetapi beliau mempertikaikan ilmu ketuhanan ahli falsafah kerana ia membuat kesimpulan, keputusan dan rumusan mengikut sangkaan dan andaian sahaja.
- Ilmu kalam itu lebih banyak mudharat daripada manfaat.
- Penemuan kekeliruan dan kesesatan lebih banyak daripada penemuan pengetahuan.
- Ilmu kalam tidak berjaya mencapai makrifat yang hakiki, sebaliknya menjadi penghalang kepada jalan tersebut.

- Beliau menolak ajaran falsafah yang merosakkan akidah.
- Beliau cuba mengkaji dengan mendalam dan mencari hakikat ajaran aliran sufi.
- Beliau menyedari bahawa ahli sufi tidak hanya setakat mempelajari teori sahaja, malahan mereka memerlukan penghayatan praktis tentang teori tersebut.
- Pendidikan melalui kaedah penghayatan dalam bidang berkenaan membantu perkembangan mental yang amat berkesan.

Klasifikasi Pendekatan Pendidikan

- Al-Ghazali menjelaskan secara terperinci mengenai klasifikasi dan sumber ilmu serta hubungan dengan tuntutan sosial dalam kitab ihya ulum al-din juzuk 1 pada bab kedua dan ketiga.
- Pembahagian itu terdiri daripada tiga kriteria, iaitu berdasarkan tingkat kewajipan terhadap ilmu fardu ain dan fardu kifayah, sumber ilmu syariah serta bukan syariah dan berdasarkan fungsi sosial ilmu al-mahmudah dan al-mazmumah. (Zainuddin 1991). K
- Beliau sangat menitik berat pendekatan terhadap pendidikan hati iaitu ilmu al-Mukasyafah (Ilmu laduni iaitu ilmu terus dari Allah SWT dan dimasukkan ke dalam hati manusia yang putih bersih daripada dosa dan maksiat. (Abdul Salam Yussof 2010).

Pendekatan al-Mukasyafah al-Qulub

- Ilmu yang sangat dituntut untuk diketahui, diamali, ilmu muamalat adalah jalan menuju kepada ilmu mukasyafah.
- Al-Ghazali menyebut ilmu ini dengan sebutan lain iaitu ilmu laduni. Ilmu manusia ke dalam tiga bentuk yang beroperasi dalam tingkat kesedaran :
 - 1) Ilmu yang diperoleh adalah berdasarkan bentuk reaksi ransangan gerak balas. Ia dimiliki oleh binatang dan sebahagian besar makhluk yang hidup termasuk tumbuh-tumbuhan.
 - 2) Ilmu rasional berdasarkan hasil pemprosesan otak dan perumusan konsep-konsep.
 - 3) Ia diberi nama 'ilm al-aqliyyah dan disampaikan melalui qalb. Qalb pula boleh disamakan dengan pemikiran yang rasional, diambil daripada ayat al-Quran yang bermaksud : “Ketahuilah dengan mengingati Allah, pasti qalb itu menjadi tenang” (Surah al-Ra’ad 13:28).

(Nasr .1976)

- Ini disimpulkan demikian kerana otak atau minda itu tempat segala operasi dan emosi yang mempengaruhi roh.
- Ilmu Intuitif adalah bentuk ilmu disampaikan melalui roh yang tertinggi yang dapat dicapai oleh manusia sama ada dalam bentuk wahyu, mimpi dan tingkah laku naluri seperti pembinaan sarang burung atau sarang labah-labah dalam bentuk geometri rumit.
- Ilmu ini diberi nama zauq atau ilmu hikmat. Terdapat interaksi terus menerus di antara ketiga-tiga tingkat kesedaran ini untuk menunjukkan kelebihan tetapi disampaikan melalui qalb atau minda yang rasional dalam waktu sedar atau melalui roh ketika waktu sedang tidur (Hassan 1991).
- Oleh sebab itu tidur disebut dalam al-Quran sebagai mati. Firman Allah yang bermaksud :”Dialah yang mematikan kamu yakni menidurkan pada waktu malam”(al-An’am 6 :60).

- Istilah hati mempunyai banyak pengertian.
- Hati dari aspek fizikal adalah seketul daging yang tergantung dalam rongga dada sebelah kiri badan manusia.
- Al-Qalb adalah keperluan yang paling asasi bagi manusia yang dapat memikirkan sesuatu sama ada baik atau buruk dan mengetahui maklumat atau ilmu.
- Dari sudut psikologi Roh adalah sama dengan al-qalb, walaupun berbeza definisi dari segi material. Roh unsur halus yang berfungsi sebagai tonggak kehidupan manusia dan kehilangannya bermaksud kematian.
- Dari aspek fizikal unsur halus ini bersumber dalam hati yang disebarkan oleh darah ke seluruh tubuh manusia.
- Roh adalah bisikan rabbani yang menjadi hakikat hati. Roh dan hati mempunyai persamaan dengan erti bisikan. Itulah yang dimaksudkan dengan firman Allah SWT yang bermaksud :
“Mereka bertanya kepadamu tentang hakikat roh. Katakanlah roh itu urusan Tuhan aku” (al-Isra':85)

- Hati diumpamakan seperti cermin dan terhalang daripada melihat gambar-gambar dalam cermin adalah berpunca daripada salah satu lima sebab iaitu rosaknya cermin itu adalah kekurangan pada hati seperti anak kecil dan orang gila.
- Cermin itu telah kotor dan berkarat iaitu akibat maksiat dan kotoran dosa yang menghitamkan hatinya.
- Kedudukannya menyimpang dari posisi gambar iaitu hatinya menyimpang daripada Tuhan.
- Wujud tabir yang menghalang antara cermin dan gambar, iaitu hijab apabila terdapat sisa syahwat atau kerosakan akidah yang menutup.
- Tidak tahu di mana posisi gambar itu, iaitu tidak tahu ke mana arah dia menuntut ilmu. Sepatutnya seseorang mesti beriman secara menyeluruh termasuklah beriman kepada perkara ghaib, bagaimana dia boleh menuntut sesuatu yang tidak diketahui. (al-Ghazali 2000).

Ilmu tasawuf

- Dalam karyanya, al-Ghazali menegaskan kepentingan tasawuf.
- Beliau memasukkan tentang sifat-sifat hati sebagai ilmu yang wajib dipelajari.
- Oleh itu ilmu fardu ain termasuk ilmu tauhid yakni tentang keesaan Tuhan, 'ilm al-sirr' iaitu ilmu tentang rahsia dan sifat hati dan ilmu syariat iaitu berkaitan tentang kewajipan dan larangan Tuhan.

- Al-Ghazali menasihati muridnya melalui pertanyaan Allah semasa di alam kubur:

“wahai hambaku! Kenapa engkau sepanjang tahun memperhatikan kebersihan tempat pandangan manusia kepadamu yakni anggota zahir kamu tetapi engkau tidak peduli kepada tempat pandanganku yakni hatimu walaupun sesaat. Dan setiap hari Allah SWT memandang ke dalam hatimu lalu berfiran kenapa kamu hanya memberikan perhatian kepada selain daripada aku, sedangkan kau dikelilingi dengan ihsan Aku. Apakah engkau sebenarnya tuli dan tidak mendengar lagi”

(al-Ghazali 1997).

- Al-Ghazali menasihati muridnya dengan menyatakan :

“Apabila kamu belajar sesuatu ilmu atau mengulangkaji, hendaklah ilmu yang dipelajari itu boleh memperbaiki hatimu dan membersihkan jiwamu. Andai kata jika kamu mengetahui bahawa umur kamu hanya tinggal satu minggu sahaja lagi, sudah pasti kamu tidak akan sibuk dengan ilmu feqah iaitu ilmu khilaf dalam mazhab dan teori akhlak, ilmu usul, ilmu kalam dan seumpama. Ini adalah kerana kamu tahu bahawa segala ilmu yang kamu sebut tadi tidak memberi faedah kepadamu.

Kesimpulan

- Imam al-Ghazali adalah seorang daripada golongan agamawan yang bersikap terbuka, kreatif dan proaktif dalam menangani isu-isu komtemporari terutama berkaitan pendidikan dalam sebuah masyarakat di zamannya dengan diimbangi pendekatannya antara intelektual dan spiritual.
- Beliau banyak terlibat dalam bidang penulisan secara lebih serius. Ketokohan Imam al-Ghazali dalam bidang pendidikan amat tinggi sekali seperti ketokohan Ibnu Shahnun, al-Farabi, al-Qabisi, Ikhwanusafa, dan Ibnu Juma'ah.
- Keilmuannya sangat luas dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang falsafah, usul, fiqh, ilmu kalam, tasawuf, kemasyarakatan, pendidikan, sains politik dan lain-lain lagi.